



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 20/2011 (15 hingga 21 Mei 2011)

Sepanjang minggu ke-20 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 15 hingga 21 Mei, sejumlah 384 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 2 kes berbanding dengan 382 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 5 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 26 kes (17%), Kelantan 7 kes (175%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 7 kes (19%), Kedah 2 kes (18%) dan Pahang meningkat sebanyak 1 kes (8%) (Lampiran A). WP Kuala Lumpur/Putrajaya telah menunjukkan peningkatan kes sejak 3 minggu berturut-turut manakala Selangor dan Kedah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu lepas.

Bermula dari Januari hingga 21 Mei 2011 sebanyak 8,108 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 10,707 kes berbanding dengan 18,815 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 12 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 80% berbanding 60 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sehingga minggu ke-20, sejumlah 97 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 12 lokaliti berbanding dengan 85 lokaliti pada minggu sebelumnya. Bagi negeri Perlis, Kelantan,

Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Pada minggu lepas, terdapat 5 lokaliti *hot spots* dilaporkan, berbanding 6 pada minggu sebelumnya, iaitu 3 lokaliti di WP Kuala Lumpur dan 2 lokaliti di Selangor dengan jumlah kes Denggi yang dilaporkan sebanyak 75 kes (Lampiran C). Dua lokaliti *hot spots* iaitu di Taman Paling Jaya Semenyih, Hulu Langat dan Menara Orkid, Zon Kepong masih tiada aktiviti gotong-royong yang dilaksanakan walau pun wabak telah berlaku melebihi 30 hari.

Di beberapa buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes, kadar pembiakan Aedes juga tinggi seperti di WP Kuala Lumpur, iaitu 4.98%, Pulau Pinang 4.2%, Perlis 3.9%, Kedah 2.1%, Selangor 2.1% dan Negeri Sembilan 2.1%. Kadar pembiakan ini menunjukkan risiko jangkitan Denggi adalah tinggi. Dari pemantauan Kementerian Kesihatan terhadap populasi nyamuk Aedes juga menunjukkan masyarakat di kawasan tersebut dianggarkan boleh mendapat satu gigitan nyamuk bagi setiap enam jam. Oleh itu, sekiranya tiada aktiviti pencegahan seperti menghapuskan tempat pembiakan dan membunuh nyamuk dewasa menggunakan racun serangga dilakukan, maka risiko penularan virus Denggi di kalangan masyarakat di kawasan tersebut adalah tinggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 15 hingga 21 Mei 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97.5% berbanding dengan 555 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

23 Mei 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2011
(15 hingga 21 Mei 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 20/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 20/2010
		Minggu 20 (15 – 21 Mei 2011)	Minggu 19 (8 – 14 Mei 2011)		
1	Perlis	0	1	27	58
2	Kedah	13	11	195	275 (2)
3	P. Pinang	29	32	746 (1)	444 (2)
4	Perak	22	28	521 (1)	692 (2)
5	Selangor	179	153	2,987 (3)	8,777 (29)
6	WPKL & Putrajaya	44	37	663	2,150 (4)
7	N. Sembilan	15	19	307	877 (4)
8	Melaka	4	8	181	216 (3)
9	Johor	24	32	785 (4)	1,205 (4)
10	Pahang	13	12	414 (1)	466 (1)
11	Terengganu	11	13	341 (1)	380
12	Kelantan	11	4	282 (1)	495 (2)
13	Sarawak	16	23	439	1,991 (6)
14	Sabah	3	9	215	781 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	384	382	8,108 (12)	18,815 (60)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2011
(15 hingga 21 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 20/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 20/2010
		Minggu 20 (15 – 21 Mei 2011)	Minggu 19 (8 – 14 Mei 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	22
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	1
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	505
14	Sabah	0	0	8	9
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	0	14	555

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
20 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Kerdas 3 Gombak	13	39
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Paling Jaya Semenyih	5	37
3	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	27	47
4	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	17	39
5	WPKL	Kepong	Menara Orkid	13	37

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 20
BAGI TAHUN 2011
(15 hingga 21 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	5.0	9
2	Selangor	MPS (GB)	Kg Kerdas 3 Gombak	3.0	5